



ISU kenaikan harga makanan secara mendadak berikutan kejatuhan nilai pound Mesir menyebabkan negara itu perlu mengurangkan kebergantungan terhadap bahan-bahan import.

JARIAH

Felo Penyelidik di Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Jariah Masud, 61, berkata, kerajaan Mesir perlu meningkatkan kawalan keselamatan terhadap makanan tempatan bagi mengatasi masalah terlalu bergantung pada bahan mentah import terutama gandum.

"Gandum merupakan bahan utama dalam penghasilan roti yang menjadi antara makanan ruji negara tersebut. Namun, jumlah pengeluarannya tidak

mampu memenuhi permintaan pengguna di negara itu.

"Justeru, mungkin sudah tiba masanya untuk rakyat Mesir mengubah tabiat atau amalan pemakanan dengan mengurangkan pengambilan roti sebagai menu harian," ujar Jariah mengulas mengenai situasi yang melanda negara berkenaan.

Tambah beliau, budaya hidup sebuah negara seperti dalam aspek pemakanan boleh diubah atau di-

Pilih makanan lain sebagai alternatif

kurangkan bagi memulihkan keadaan ekonomi yang merudum.

"Selain itu, mereka juga boleh mencari alternatif makanan lain untuk dijadikan sajian ruji dan secara tidak langsung menggunakan sepenuhnya bahan mentah sedia ada dalam negara tanpa perlu bergantung kepada bahan import," jelas beliau yang turut mempunyai anak perempuan yang masih menuntut di Universiti Zagazig, Mesir.